



Ulama naik MRT

Mufti Melaka, Abdul Halim Tawil (tiga dari kiri); Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri (empat dari kiri), dan Setiausaha Politik Perdana Menteri Datuk Jailani Ngah (lima dari kiri) menaiki tren Transit Aliran Massa (MRT) dari Stesen Stadium Kajang ke Stesen Tun Razak Exchange (TRX), semalam. Lebih 30 ahli Alumni Program Khas Haji Perdana Menteri berpeluang menaiki MRT selepas menghadiri Majlis Perdana Ulama, Umara dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Islam dan Pembentangan Indeks Syariah Malaysia 2017, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) bersama Datuk Seri Najib Razak. Ms.3

'MRT bukti kerajaan tunai tanggungjawab agama'

Kajang: Kerajaan berjaya menunaikan amanah dituntut Islam menerusi penyediaan prasarana pengangkutan awam bertaraf dunia seperti Transit Aliran Massa (MRT) yang memudahkan perhubungan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri, berkata dari sudut agama, menyediakan kemudahan pengangkutan awam adalah hak rakyat yang wajib dilaksanakan pemerintah.

Katanya, kemudahan awam seperti MRT memudahkan perhubungan, memberi keselesaan, menjimatkan masa, menghilangkan tekanan memandu dalam kesesakan lalu lintas dan memudahkan ziarah keluarga untuk mengukuhkan silaturahim.

"Tanpa syak lagi MRT menjadikan pengangkutan awam kita setaraf negara maju seperti Jepun dan beberapa negara Eropah, yang dengan sendirinya membuktikan negara Islam tidak ketinggalan zaman.

"Saya harap masyarakat memanfaatkan kemudahan ini dan jangan melakukan kerosakan (vandalisme) yang dilarang Islam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyertai program lawatan Ulama-Umara menaiki

MRT dari Stesen MRT Stadium Kajang, di sini ke Stesen MRT Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, semalam.

Program itu sempena Majlis Perdana Ulama-Umara dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam Bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Putrajaya. Program lawatan menggunakan MRT diketuai Setiausaha Politik Perdana Menteri yang juga Pengerusi Sekretariat Ulama-Umara, Datuk Jailani Ngah.

Tepati tuntutan agama

Mufti Melaka, Datuk Abdul Halim Tawil pula berkata MRT menepati tuntutan agama kerana pengguna selesai menziarahi keluarga.

"Rasullullah pernah bersabda empat perkara memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan adalah pasangan hidup, tempat tinggal luas, jiran yang baik dan kenderaan memberi keselesaan," katanya.

Mengenai vandalisme, Abdul Halim berkata sejajar kemudahan bertaraf antarabangsa, masyarakat negara ini juga perlu berminda kelas dunia.

"Jangan merosakkan kemudahan awam kerana ia menyusahkan masyarakat dan menjejaskan nama Malaysia pada kaca mata pelancong asing," katanya.



Ulama-Umara menaiki MRT dari Stesen MRT Stadium Kajang ke Stesen MRT Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, semalam.